

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[ GOMBAK ]**

**TARIKH : 18.11.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) tidak menyediakan set soalan alternatif bagi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014 hingga ia terpaksa ditangguhkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Lembaga Peperiksaan memang menyediakan set soalan kedua yang mengikut prosedur penggubalan kertas soalan sedia ada dan boleh digunakan sekiranya berlaku sebarang insiden pada set soalan yang pertama. Namun demikian, set soalan kedua masih perlu melalui proses pencetakan, pengedaran, logistik dan pentadbiran yang mengambil masa tidak kurang dari dua (2) minggu dan melibatkan kos tertentu, oleh itu penangguhan tidak dapat dielakkan.